

0557

U 8109 BAH
MAHATHIR

(EMBARGO) UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 2130, 30 0605)

KUALA LUMPUR, 30 0605 (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MUHAMMAD MENGINGATKAN RAKYAT AGAH BERWASPADA TERHADAP SIKAP GOLONGAN YANG MEMPERKECIL-KECILKAN DAN MENGHALANGI USAHA KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN LAGI PERPADUAN DAN PERSEFAHAMAN DI KALANGAN RAKYAT.

PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN SEUMPAMA INI TIDAK INGIN MELIHAT PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA DI KALANGAN MASYARAKAT MALAYSIA, TETAPI LEBIH SUKA MELIHAT MASYARAKAT TIDAK BERSATU-PADU.

+MEREKA SEDEMAKNYA BUKAN SAHAJA MENJADI PENGACAU, TETAPI JUGA ANTI-MASYARAKAT, DAN PENENTANG PERPADUAN MASYARAKAT,+ TEGAS BELIAU DALAM PERUTUSAN SEMENA HARI KEBANGSAAN KE-31 YANG DISIARKAN MEMERUSI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA, MALAM INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT NESTILAH BERWASPADA DAN MENGAWASI KEGIATAN GOLONGAN ANTI-MASYARAKAT INI, DI SAMPING MENGHALANGINYA DARIPADA MERESAK DAN BERKEMBANG.

+KITA NESTI BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH MENINGKATKAN LAGI PERPADUAN. SEKIRANYA KITA MENGABAIKAN PERPADUAN, PADAH AKIBATNYA KEPADA RAKYAT DAN NEGARA.+ -- LAGI

1329HST 30 08 88

0558

U 8110 BAH

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA EKORAN TIADANYA PERPADUAN DI SESETEGAH NEGARA, PERPECAHAN DAN PERGADUHAN SESAMA SENDIRI BERLAKU ANTARA PENDUDUK, YANG MENGAKIBATKAN RAKYAT MENGHADAPI PENDERITAAN DAN KESULITAN SEPANJANG MASA.

+KEADAAN SEDEMUKIAN SEMESTINYA MENJADI TELADAN KEPADA KITA, APATAH LAGI MEMANDANGKAN CORAK MASYARAKAT NEGARA INI,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERPADUAN BUKAN SAHAJA AMAT PENTING KEPADA RAKYAT MALAYSIA, TETAPI JUGA ADALAH FAKTOR YANG MENENTUKAN NAJU MUNDURNYA NEGARA DAN KERANA ITULAH KERAJAAN SENTIASA MENGUTAMAKANNYA DALAM SETIAP DASAR DAN RANCANGAN YANG DILAKSANAKAN.

+PERANAN MENINGKATKAN LAGI PERPADUAN ADALAH TANGGUNGJAWAB SEMUA TERMASUK RAKYAT, KERAJAAN DAN AGENSI YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN SERTA BADAN-BADAN SOSIAL.

+SETIAP DARIPADA KITA, APA JUA KEDUDUKAN DALAM MASYARAKAT HEMPUNYAI PERANAN MASING-MASING BAGI MENCAPAI MATLAMAT INI,+ KATA BELIAU. --LAGI

1331HST 30 08 88

0339

U B112 BAH
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMB/ 60)

BELIAU BERKATA MASYARAKAT MALAYSIA MEMANG SUDAH HEMPUNYAI TATATERTID DAN SOPAN SANTUN YANG BOLEH MEMBANTU KE ARAH MEMUJUKKAN PERPADUAN YANG LEBIH KUKUH.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN SUDAH TERDAPAT PERPADUAN DI NEGARA INI, TETAPI IA PERLU LAH DIPERTINGKATKAN DAN DIKEKALKAN.

BELIAU JUGA YAKIN BAHAWA RAKYAT MALAYSIA YANG HEMPUNYAI SEMANGAT KESETIAAN DAN SANGGUP BERKORBAN AKAN MENGUTAMAKAN PERPADUAN NASIONAL DAN PERSEFAHAMAN AGAR BENAR-BENAR BERSATU.

MENGENAI TEMA HARI KEBANGSAAN TAHUN INI, IAITU BERSATU, BELIAU BERKATA HEMPUNYAI TEMA SAHAJA TIDAK MEMADAI TANPA MENGHAYATINYA DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN.

INI AMAT PENTING, KATANYA SAMBIL BERHARAP AMALAN DAN TINDAKAN YANG DILAKUKAN BENAR-BENAR MENCERMINKAN MASYARAKAT YANG BERSATU.

--BERHANA

1332HST 30 03 88